



MENTERI Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (berdiri, dua dari kanan) bersama sukarelawan pada majlis pelepasan Ops Cuci Banjar di Kota Iskandar, Iskandar Puteri semalam.



SEKUMPULAN lembu milik seorang penternak, Mohamed Safri Mohamed Sidek, 52, terkepung dengan air banjir di Kampung Sungai Ganchong, Pekan.



SEORANG penduduk, Zalmah Hassan, 61, menyidai pakaian walaupun rumahnya masih digenangi air banjir di Kampung Telok, Pekan.

Situasi banjir di negeri-negeri terlibat terus dipantau, cuaca masih tidak menentu

Bantuan ditentukan selepas bah

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

PEKAN — Bentuk bantuan kepada mangsa banjir di negeri-negeri yang terlibat dengan bencana itu akan ditentukan selepas keadaan pulih sepenuhnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ketika ini, pemantauan situasi banjir masih diteruskan di negeri-negeri terlibat berikutan keadaan cuaca masih tidak menentu.

"Kita tidak tahu berapa lama lagi banjir ini berlaku. Kita juga ada kesulitan kerana ada orang yang menganggap dirinya mangsa banjir tetapi tidak berpindah (ke pusat pemindahan) dan didaftarkan.

"Jika tidak didaftarkan, susah untuk kita sampaikan bantuan termasuk wang ihsan," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Paloh Hinai di sini semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor



NAJIB mendukung seorang kanak-kanak yang kurang sihat, Nur Amira Idayu Mohd. Fouri, 6, sambil ditemani Rosmah (dua dari kanan) di pusat pemindahan di IKBN Paloh Hinai, Pekan semalam.

dan Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Shamsul Anuar Nasarah.

Dalam lawatan itu, Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan bersama isteri dibawa menaiki bot untuk meninjau keadaan banjir di daerah tersebut.

Perdana Menteri kemudian melawat serta menyerahkan sumbangan kepada 50 mangsa bencana di daerah Pekan yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kinchir di sini.

Najib turut meluangkan masa selama 30 minit di Balai Raya



NAJIB (tiga dari kanan) dan Rosmah (dua dari kanan) menaiki bot menyusuri Sungai Pahang untuk meninjau sendiri keadaan banjir di sekitar Pekan.

Kampung Tanjung Lepar untuk mendengar rintihan 20 mangsa banjir yang ditempatkan di situ dan menjamah hidangan ubi kayu rebus bersama mereka.

Dalam lawatan itu, Najib

memberi jaminan bahawa kerajaan tidak meminggirkan mangsa banjir yang tidak berpindah dengan memastikan bekalan makanan diberikan kepada mereka.